

PEMBANGUNAN INDEK BIODIVERSITI BAGI SPESIES TUMBUH-TUMBUHAN  
HUTAN HUJAN TROPIKA MENGGUNAKAN SPEKTRO-RADIOMETER  
LAPANGAN

NORSHEILLA BINTI MOHD JOHAN CHUAH

Tesis ini dikemukakan  
sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah  
Sarjana Sains (Remote Sensing)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah  
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER 2013

*Dedikasi untuk*  
*mak dan abah iaitu Che 'Norlia Abdullah dan*  
*Mohd Johan Chuah Abdullah*  
*serta seluruh ahli keluarga*

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah S.W.T Tuhan semesta alam. Selawat dan salam kepada junjungan besar Rasulullah S.A.W, seluruh keluarga serta para sahabat. Syukur Alhamdulillah dengan limpah izinNya setelah menempuh pelbagai cabaran dan dugaan, saya dapat menyiapkan penulisan tesis ini dengan jayanya. Kejayaan ini adalah berkat doa dan pertolongan semua pihak. Untuk itu, saya dengan setulus hati, ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, iaitu Prof. Sr. Dr. Mazlan Hashim yang tidak jemu-jemu mendidik, membimbing dan memberi kritikan dari awal hingga akhir penulisan tesis ini. Budi dan jasa baik Tuan amatlah dihargai dan Allah S.W.T jua yang mampu membalasnya.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan juga saya tujukan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia kerana memberi peluang kepada saya melanjutkan pelajaran di bawah tajaan biasiswa Pasca siswazah Universiti (PGD) dan biasiswa Bajet Mini 2009. Selain itu, ucapan terima kasih kepada National Institute for Environment Studies of Japan (NIES) atas kerjasama penyelidikan bersama Universiti Teknologi Malaysia memberikan elaun sementara sebagai pembantu penyelidik dibawah geran projek FRGS vot 78361. Begitu juga kepada individu-individu dari Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah yang telah banyak memberikan kemudahan dan bantuan alat terutamanya staf-staf teknikal serta kepada pihak Jabatan Penyelidikan Hutan Malaysia (FRIM) diatas kesediaan memberikan pertolongan, bantuan data dan rujukan yang amat berguna.

Sekalung ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada orang tua saya, Che'Norlia Abdullah dan Mohd Johan Chuah Abdullah yang sentiasa memberikan semangat, kepercayaan dan kasih sayang tidak terhingga sehingga saat ini. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan di Universiti Teknologi Malaysia iaitu Rohazaini Mohd Jamil, Nur Aisah Abu Bakar, Nur Salisa Che Sab dan Nurul Nadiyah Yahya yang turut bersama dikala suka dan duka saya sepanjang penulisan tesis ini. Tanpa dorongan daripada kalian tidak mungkin saya akan dapat merealisasikan matlamat saya selama ini. Terima Kasih.

## ABSTRAK

Unsur biokimia tumbuh-tumbuhan seperti pigmen klorofil, karbon, nitrogen dan air boleh memberi kesan kepada fisiologi dan fenologi tumbuh-tumbuhan. Walau bagaimanapun, kaedah tradisional analisis daun bagi membekalkan maklumat unsur biokimia tidak dapat lagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menggunakan model indeks tumbuh-tumbuhan (VI) sebagai kaedah alternatif untuk pengeluaran maklumat unsur biokimia. Dalam kajian ini, jalur spektrum dipilih sama ada menggunakan perbezaan transformasi spektrum (TD) atau genetik algoritma pemetaan sudut spektrum (GA-SAM) dan diuji keatas tiga kumpulan utama VI yang melibatkan (i) nisbah mudah, (ii) nisbah yang berbeza, dan (iii) nisbah berganda. Korelasi yang kuat pada nilai R lebih daripada 0.8 (pada nilai- $p < 0.001$ ) di antara model VI dan unsur biokimia berkebolehan untuk menganggarkan elemen biokimia tumbuh-tumbuhan. Daripada kajian ini, keputusan telah menunjukkan bahawa hubungan yang kukuh dibentuk melalui pemilihan jalur spektrum daripada kaedah GA-SAM digunakan dalam  $WI_{GA-SAM}$  dalam enam jenis spesies dipterokarpa iaitu *neobalanocarpus heimii* sp. (NEOBHE sp.), *shorea acuminata* sp. (SHORAC sp.), *shorea leprosula* sp. (SHORL1 sp.), *shorea lepidota* sp. (SHORL2 sp.), *shorea pauciflora* sp. (SHORP2 sp.) dan *shorea maxwelliana* sp. (SHORM2 sp.). Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa hasil daripada  $WI_{GA-SAM}$  mampu untuk membantu kita dalam menentukan air dalam tisu daun. Pada masa hadapan, kaedah  $WI_{GA-SAM}$  ini adalah dilihat sangat berguna dalam menentukan kandungan air bagi enam jenis spesies dipterokap yang sama ditemui di persekitaran hutan hujan tropika.

## ABSTRACT

Biochemical elements such plant pigment chlorophyll, carbon, nitrogen and water can affect the physiology and penology development of the plants. However, the traditional method of foliar analysis is no longer able to meet the growing need for biochemical element information. Consequently, this research aims to use vegetation index (VI) model as an alternative method for the production of biochemical element information. During this research, spectrum bands selected either using spectrum transformation divergence (TD) or genetic algorithms-spectrum angle mapper (GA-SAM) method were tested on the three main groups of VI involved of (i) simple ratio (ii) different ratio, and (iii) double ratio. Strong correlation at R value more than 0.8 (at p-value<0.001) between VI model and the field biochemical elements is proficient to estimate biochemical elements of plants. From this study, we can see that the strong correlation formed through the spectrum band selection method of GA-SAM applied in  $WI_{GA-SAM}$  for six types of dipterocarp species namely *neobalanocarpus heimii* sp. (NEOBHE sp.), *shorea acuminata* sp. (SHORAC sp.), *shorea leprosula* sp. (SHORL1 sp.), *shorea lepidota* sp. (SHORL2 sp.), *shorea pauciflora* sp. (SHORP2 sp.) and *shorea maxwelliana* sp. (SHORM2 sp.). This findings show that  $WI_{GA-SAM}$  capable to help us in determining water content in the leaf tissue. In future, this  $WI_{GA-SAM}$  method is very useful in determining water content of the six similar types of dipterocarp species found in a tropical rainforest environment.

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
	<b>PENGESAHAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xi</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
<b>1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Latar Belakang Kajian	1
	1.2 Penyataan Masalah	5
	1.3 Objektif Kajian	6
	1.4 Skop Kajian	6
	1.5 Kepentingan Kajian	8
	1.6 Kawasan Kajian	9
	1.7 Struktur Dokumen Tesis	11
<b>2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>12</b>
	2.1 Pengenalan	12
	2.2 Takrifan dan Kepentingan Maklumat Biokimia	12
	2.3 Sumber Biokimia Tumbuh-tumbuhan dan Kesan Kekurangan Biokimia	13

2.4	Kaedah Pembangunan Indeks Biokimia	15
2.5	Kelas Indeks Tumbuh-tumbuhan	20
2.5.1	Indeks biokimia tumbuh-tumbuhan	21
2.5.1.1	Indeks jalur lebar	21
2.5.1.2	Indeks jalur sempit	23
2.5.1.3	Indeks karbon	27
2.5.1.4	Indeks nitrogen	27
2.5.1.5	Indeks air	29
2.6	Pengukuran Biokimia Tumbuh-tumbuhan daripada Jalur Spektrum	31
2.7	Prosedur Pengumpulan Data Lapangan	35
2.7.1	Kaedah persampelan di lapangan	35
2.8	Prosedur Pengumpulan Data Spektrum	37
2.8.1	Pengenalan alat fieldspec pro spektrometri	37
2.8.2	Kaedah pengumpulan data spektrum	38
2.9	Prosedur Pra-pemrosesan Data Spektrum	39
2.9.1	Kaedah penurasan spektrum	39
2.9.2	Kaedah pemilihan spektrum optimum	40
2.10	Ringkasan	41
<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>43</b>
3.1	Pengenalan	43
3.2	Perisian dan Perolehan Data	45
3.2.1	Perisian	45
3.2.2	Perolehan data	46
3.3	Persediaan Eksperimen	47
3.3.1	Prosedur sebelum kutipan sampel daun di lapangan	47

3.3.2	Prosedur semasa kutipan sampel daun dilapangan	50
3.3.3	Prosedur selepas kutipan sampel daun dilapangan	50
3.3.3.1	Ujian analisis foliar	50
3.3.3.2	Kutipan spektrum tumbuh-tumbuhan	51
3.4	Pra-pemprosesan data	52
3.4.1	Penurasan hingar spektrum tumbuh-tumbuhan	53
3.4.2	Pemilihan jalur spektrum optimum	54
3.4.2.1	Kaedah Transformasi Capahan	54
3.4.2.2	Kaedah Genetik Algoritma Pemetaan Sudut Spektrum	55
3.4.3	Ujian pemisahan spektrum optimum	57
3.5	Pemprosesan Data	58
3.5.1	Pembangunan indek biokimia tumbuh-tumbuhan	58
3.6	Ringkasan	59
<b>4</b>	<b>HASIL DAN ANALISIS KAJIAN</b>	<b>62</b>
4.1	Pengenalan	62
4.2	Hasil pra-pemprosesan data	62
4.2.1	Hasil penurasan hingar spektrum tumbuh-tumbuhan	63
4.2.2	Hasil pemilihan spektrum optimum	66
4.2.2.1	Hasil spektrum optimum daripada kaedah Transformasi Capahan	66
4.2.2.2	Hasil Spektrum Optimum daripada Kaedah Genetik Algoritma Pemetaan Sudut Spektrum	67
4.2.3	Hasil pemisahan spektrum tumbuh-tumbuhan	70
4.3	Hasil Pemprosesan Data	71
4.3.1	Hasil indek biokimia asal	71



4.3.2 Hasil indeks biokimia Transformasi Capahan	78
4.3.3 Hasil indeks biokimia Genetik Algoritma Pemetaan Sudut Spektrum	84
4.4 Analisis Hasil Pembangunan Indeks Biokimia Tumbuh – tumbuhan kajian	90
4.5 Analisis Pembangunan Indeks Biokimia Tumbuh-tumbuhan	97
<b>5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>101</b>
5.1 Pengenalan	101
5.2 Kesimpulan kajian	101
5.3 Isu Kajian	106
5.3.1 Dapatan data	106
5.3.2 Konteks permodelan	107
5.4 Cadangan	108
<b>RUJUKAN</b>	<b>111</b>
<b>LAMPIRAN A-F</b>	<b>121</b>

## SENARAI JADUAL

NO.	TAJUKJADUAL	MUKASURAT
2.1	Fungsi dan kesan kekurangan biokimia di dalam tumbuh-tumbuhan	14
2.2	Jenis model optikal sifat daun beserta contohnya	15
3.1	Perisian bagi penyediaan maklumat biokimia	45
3.2	Senarai spesies tumbuh-tumbuhanmenonjol di kawasan 50 hektar	48
3.3	Kombinasi pasangan spesies tumbuh-tumbuhan dalam kaedah Transformasi Capahan	54
3.4	Indek Tumbuh-tumbuhan asal yang digunakan di dalam pembangunan indek biokimia tumbuh-tumbuhan	60
4.1	Bilangan spektrum optimum yang layak berdasarkan Kaedah Transformasi Capahan	67
4.2	Hasil peratusan nilai mata Genetik Algoritma Pemetaan Sudut Spektrum	69
4.3	Hasil pemisahan spektrumtumbuh- tumbuhan melalui ujian-t berpasangan	70
4.4	Hasil korelasi di antara indekjalur lebar <sub>asal</sub> dengan kepekatan klorofil bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	72
4.5	Hasil korelasi di antara indek jalur sempit <sub>asal</sub> dengan kepekatan klorofil bagi spesies tumbuh-tumbuhanyang dikaji	73
4.6	Hasil korelasi di antara indek nitrogen <sub>asal</sub> dengan kepekatan nitrogen bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	75
4.7	Hasil korelasi di antara indek karbon <sub>asal</sub> dengan kepekatan karbon bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	76
4.8	Hasil korelasi di antara indek air <sub>asal</sub> dengan kandungan air bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	77

## SENARAI JADUAL

NO.	TAJUKJADUAL	MUKASURAT
4.9	Ubahsuai model Indeks Tumbuh-tumbuhan menggunakan jalur spektrum optimum daripada kaedah Transformasi Capahan	78
4.10	Hasil korelasi di antara indeks jalur sempit <sub>TD</sub> dengan kepekatan klorofil bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	80
4.11	Hasil korelasi di antara indeks nitrogen <sub>TD</sub> dengan kepekatan nitrogen bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	81
4.12	Hasil korelasi di antara indeks karbon <sub>TD</sub> dengan kepekatan karbon bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	82
4.13	Hasil korelasi di antara indeks air <sub>TD</sub> dengan kandungan air bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	83
4.14	Ubahsuai model Indeks Tumbuh-tumbuhan menggunakan jalur spektrum optimum daripada kaedah Genetik Algoritma Pemetaan Sudut Spektrum	84
4.15	Hasil korelasi di antara indeks jalur sempit <sub>GA-SAM</sub> dengan kepekatan klorofil bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	86
4.16	Hasil korelasi di antara indeks nitrogen <sub>GA-SAM</sub> dengan kepekatan nitrogen bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	87
4.17	Hasil korelasi di antara indeks karbon <sub>GA-SAM</sub> dengan kepekatan karbon bagi tumbuh-tumbuhan yang dikaji	88
4.18	Hasil korelasi di antara indeks air <sub>GA-SAM</sub> dengan kandungan air bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji	89
4.19	Kepekatan biokimia tumbuh-tumbuhan <i>NEOBHE</i> sp. dan kaitannya dengan nilai indeks biokimia	91

**SENARAI JADUAL**

<b>NO.</b>	<b>TAJUKJADUAL</b>	<b>MUKASURAT</b>
4.20	Kepekatan biokimia tumbuh-tumbuhan SHORAC sp. dan kaitannya dengan nilai indek biokimia	92
4.21	Kepekatan biokimia tumbuh-tumbuhan SHORL1 sp. dan kaitannya dengan nilai indek biokimia	93
4.22	Kepekatan biokimia tumbuh-tumbuhan SHORL2 sp. dan kaitannya dengan nilai indek biokimia	94
4.23	Kepekatan biokimia tumbuh-tumbuhan SHORP2 sp. dan kaitannya dengan nilai indek biokimia	95
4.24	Kepekatan biokimia tumbuh-tumbuhan SHORM2 sp. dan kaitannya dengan nilai indek biokimia	96
4.25	Kepekatan biokimia tumbuh-tumbuhan KOOMMA sp. dan kaitannya dengan nilai indek biokimia	97
4.26	Hasil pembangunan indek biokimia	99

## SENARAI RAJAH

NO.	TAJUKRAJAH	MUKASURAT
1.1	Interaksi biokimia di dalam aktiviti fotosintesis tumbuh-tumbuhan.	2
1.2	Indek biokimia utama yang memberi pengaruh sifat kepantulan spektrum tumbuh-tumbuhan.	4
1.3	Lokasi Hutan Hujan Tropika Pasoh, Negeri Sembilan, Malaysia	10
2.1	Model Deskriptif	16
2.2	Model PROSPECT	18
2.3	Model LIBERTY	18
2.4	Model Empirikal	19
2.5	Model Semi-empirikal	20
2.6	Ilustrasi serapan dan pantulan semula tenaga spektrum dari bahagian daun tumbuh-tumbuhan yang diterima oleh penderia remote sensing.	32
2.7	Tanda pengenalan spektrum tumbuh-tumbuhan	34
2.8	Contoh kaedah persampelan	36
2.9	Contoh alat spektroradiometer untuk kutipan data spektrum tumbuh-tumbuhan	38
3.1	Carta alir metodologi penyelidikan	44
3.2	Penetapan alatan spektroradiometer bagi kajian	52
4.1	Hasil cerapan spektrum tumbuh-tumbuhan asal yang diambil menggunakan alatan spektroradiometer Pro ®	64
4.2	Hasil turasan spektrum tumbuh-tumbuhan selepas menggunakan kaedah Denoise wavelet	65
4.3	Output program MATLAB bagi pencarian spektrum optimum menggunakan kaedah Genetik Algoritma Pemetaan Sudut Spektrum	68

**SENARAI LAMPIRAN**

<b>NO.</b>	<b>TAJUKLAMPIRAN</b>	<b>MUKASURAT</b>
A	Peta lokasi spesies tumbuh-tumbuhan kajian	124
B	Langkah-langkah pelaksanaan GA-SAM menggunakan kod Program MATLAB bagi pemilihan spektrum optimum	132
C	Perincian hasil keputusan spektrum optimum Kaedah Transformasi capahan	135
D	Perincian Hasil Keputusan Ujian-t berpasangan	143
E	Contoh sampel daun bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang terlibat di dalam kajian	186
F	Gambar aktiviti persampelan daun tumbuh-tumbuhan di dalam tapak 50 hektar, Hutan Hujan Tropika Pasoh	188

## SENARAI SINGKATAN

°C	-	<i>Darjah Celsius</i>
CVI	-	<i>Chlorophyll Vegetation Index</i>
DBH	-	<i>Diameter at Breast Height</i>
DCNI	-	<i>Double-peak Canopy Nitrogen Index</i>
GA-SAM	-	<i>Genetik Algoritma Pemetaan Sudut Spektrum</i>
Green NDVI	-	<i>Green Normalized Difference Vegetation Index</i>
LAI	-	<i>Leaf Area Index</i>
m	-	<i>meter</i>
MCARI	-	<i>Modified Chlorophyll Absorption Ratio Index</i>
mCARI2	-	<i>Modified Chlorophyll Absorption Ratio Index2</i>
mm	-	<i>milimeter</i>
mNDVI 705	-	<i>Modified Normalized Difference Vegetation Index</i>
Msavi	-	<i>Improved Soil Adjusted Vegetation Index</i>
MSI	-	<i>Moisture Stress Index</i>
MSR	-	<i>Modified Simple Ratio</i>
MSR705	-	<i>Modified Simple Ratio2</i>
mTVI	-	<i>Modified Triangular Vegetation Index</i>
NDII	-	<i>Normalized Difference Infrared Index</i>
NDLI	-	<i>Normalized Difference Lignin Index</i>
NDNI	-	<i>Normalized Difference Nitrogen Index</i>
NDVI	-	<i>Normalized Difference Vegetation Index</i>
NDVI705	-	<i>Normalized Difference Vegetation Index705</i>
NDWI	-	<i>Normalized Difference Water Index</i>
OSAVI	-	<i>Optimized Soil-Adjusted Vegetation Index</i>
RDVI	-	<i>Renormalized Difference Vegetation Index</i>
RVI 2	-	<i>Ratio Vegetation Index2</i>
SIPI	-	<i>Structure Insensitive Pigment Index</i>

sm	-	sentimeter
SR1	-	<i>Simple Ratio 1</i>
SRWI	-	<i>Simple Ratio Water Index</i>
SSI	-	<i>Simple Subtraction Indices</i>
TD	-	Transformasi Capahan
TSAVI	-	<i>Transformed Soil-Adjusted Vegetation Index</i>
TVI	-	<i>Triangular Vegetation Index</i>
VI	-	Indek Tumbuh-tumbuhan
VOG1	-	<i>Vogelmann Indices1</i>
VOG2	-	<i>Vogelmann Indices2</i>
VOG3	-	<i>Vogelmann Indices3</i>
WI	-	<i>Water Index</i>



## **BAB 1**


### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Biokimia ditakrifkan sebagai unsur-unsur yang terdapat di dalam benda hidup. Di dalam tumbuh-tumbuhan, kehadiran biokimia seringkali dikaitkan dengan aktiviti fotosintesis. Biokimia tumbuh-tumbuhan yang terdiri daripada unsur hara (contohnya: karbon, hidrogen dan oksigen) serta unsur nutrien (contohnya: nitrogen) dapat digunakan bagi mengaktifkan aktiviti fotosintesis tumbuh-tumbuhan dengan bantuan tenaga cahaya matahari (rujuk Rajah 1.1). Susutan aras biokimia di dalam tumbuh-tumbuhan menyebabkan kelangsungan aktiviti fotosintesis yang rendah seterusnya boleh menjadi faktor utama masalah perkembangan dan pertumbuhan tumbuh-tumbuhan yang normal. Susutan aras biokimia tersebut boleh dilihat berdasarkan perubahan keadaan fisiologi tumbuh-tumbuhan seperti saiz silara kanopi, diameter batang dan ketinggian pokok (Sims dan Gamon., 2002) atau perubahan keadaan fenologi tumbuh-tumbuhan yang berkaitan dengan warna daun, pembungaan, dan pembuahan (Matson et al., 1994, Curran et al., 1997, Fourty dan Baret, 1998 dan Serranno et al., 2002). Bagi menangani masalah tersebut, penyediaan maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan diperlukan supaya keadaan tumbuh-tumbuhan boleh dipantau dengan sempurna.

Seiring dengan kemajuan teknologi, maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan boleh dihasilkan dengan penggunaan data remote sensing. Asner et al. (2011) menyatakan bahawa penyelidikan biokimia tumbuh-tumbuhan telah lama

berkembang sejak berpuluh tahun yang lepas dengan penggunaan data remote sensing yang diambil dari lapangan, kapal udara dan satelit. Tenaga pantulan spektrum tumbuh-tumbuhan yang diterima oleh penderia remote sensing dapat disepadankan dengan model optikal sifat daun. Antara kajian biokimia tumbuh-tumbuhan yang lepas melibatkan penggunaan data remote sensing adalah seperti tanaman gandum (Song et al., 2008), jagung (Haboudane et al., 2002), tumbuh-tumbuhan homogenus seperti *black spruce* (Zhang et al., 2008), hutan lembap tropika (Asner et al., 2011) dan hutan *Eucalyptus* (Majeke et al., 2008). Namun, maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan di dalam hutan hujan tropika terutamanya spesies tumbuh-tumbuhan dipterokap masih belum pernah dilaporkan di dalam sebarang bentuk laporan penyelidikan.



**Rajah 1.1** : Interaksi biokimia di dalam aktiviti fotosintesis tumbuh-tumbuhan.


Terdapat beberapa model optikal sifat daun antaranya model deskriptif, model fizikal, model empirikal dan model semi-empirikal. Penggunaan model deskriptif seperti ray tracing dan stokastik merupakan model terawal yang berfungsi

menjelaskan secara teori hubungan kepantulan spektrum dengan tumbuh-tumbuhan di lapangan. Penambahbaikan model deskriptif mewujudkan model fizikal antaranya PROSPECT, LIBERTY dan Kubelka-Munk. Model PROSPECT telah membenarkan hubungan kepantulan spektrum dengan tumbuh-tumbuhan disimulasikan bagi daun tumbuh-tumbuhan yang berjenis permukaan lebar dengan beberapa kemasukan parameter seperti klorofil a, klorofil b, bahan kering dan ketebalan setara air daun (Jacquemoud dan Baret, 1990). Model LIBERTY pula telah membenarkan simulasi hubungan kepantulan spektrum tumbuh-tumbuhan untuk jenis daun jarum konifer dengan kemasukan input parameter seperti air, klorofil, selulosa, lignin, protein, keluasan daun, purata diameter sel, ketebalan daun dan ruang udara (Dawson et al., 1998). Bagi model Kubelka-Munk pula telah membenarkan simulasi kepantulan spektrum tumbuh-tumbuhan untuk sebarang jenis daun menggunakan kemasukan input parameter seperti empat lapisan struktur daun, yang terdiri daripada lapisan kutikal atas, parankema, mesofil span dan kutikal bawah (Yamada dan Fujimura, 1988). Penambahbaikan model optikal sifat daun diteruskan dengan binaan model empirikal seperti Partial least square (PLS), Stepwise Linear Regression (SLR). Terkini, model optikal sifat daun jenis semi-empirikal seperti Indeks Tumbuh-tumbuhan lebih kerap digunakan di kalangan penyelidik kerana ianya mudah dan ringkas. Indeks Tumbuh-tumbuhan turut berpotensi mengurangkan variasi LAI, kesan latar topografi, kesan latar tanah dan juga perubahan biofizikal atau biokimia tumbuh-tumbuhan (Jackson dan Huete, 1991, Zhang et al., 2010). Oleh itu, penggunaan Indeks Tumbuh-tumbuhan merupakan pendekatan terbaik untuk menghubungkan kepantulan spektrum tumbuh-tumbuhan dan membuat anggaran biokimia tumbuh-tumbuhan di lapangan.

Secara teorinya, indeks tumbuh-tumbuhan telah dibina berdasarkan nisbah pantulan spektrum tumbuh-tumbuhan antara dua atau lebih jalur spektrum. Pemilihan jalur spektrum tumbuh-tumbuhan yang digunakan ke dalam model Indeks Tumbuh-tumbuhan dapat mempengaruhi keputusan korelasi antara Indeks Tumbuh-tumbuhan dan biokimia tumbuh-tumbuhan di lapangan. Pemilihan jalur spektrum boleh dilakukan dengan menggunakan kaedah jarak metrik Jeffries-Matusita dan kaedah Transformasi Capahan. Walaubagaimanapun, kaedah Jeffries-Matusita dan Transformasi Capahan hanya sesuai untuk pemilihan jalur bagi data multispektrum

yang mempunyai kurang daripada 20 jalur. Sementara, kaedah Algoritma Genetik (Vaiphasa et al., 2007), kaedah Analisis Komponen Utama (Phua et al., 2012), dan kaedah Algoritma Genetik dengan sokongan mesin sokongan vektor (Li et al., 2011) adalah lebih sesuai untuk pemilihan jalur spektrum dalam data Hiperspektra yang mempunyai lebih daripada 20 jalur.

Dalam konteks pembangunan indeks biokimia tumbuh-tumbuhan, sifat kepantulan spektrum tumbuh-tumbuhan diambil menggunakan alat spektrometri lapangan pada julat spektrum di antara 350nm hingga 2500nm pada spesies tumbuh-tumbuhan terpilih. Indeks Tumbuh-tumbuhan seperti indeks jalur lebar, indeks jalur sempit, indeks karbon, indeks nitrogen dan indeks air tumbuh-tumbuhan merupakan komponen utama pembangunan indeks biokimia dan dapat dijadikan asas penyediaan maklumat biokimia (rujuk Rajah 1.2). Kajian ini turut memilih kaedah Transformasi Capahan dan Genetik Algoritma Pemetaan Sudut Spektrum sebagai kaedah pemilihan spektrum optimum. Kajian ini dilakukan berdasarkan pendekatan bahawa pembangunan indeks biokimia daripada data remote sensing lapangan boleh membantu proses pemantauan biokimia tumbuh-tumbuhan semasa.



**Rajah 1.2:** Indeks biokimia utama yang memberi pengaruh sifat kepantulan spektrum tumbuh-tumbuhan.

## 1.2 **Penyataan Masalah**

Analisis foliar adalah kaedah konvensional bagi pengeluaran maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan. Penggunaan kaedah tersebut menjadi salah satu punca kegagalan penyediaan maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan pada kawasan yang luas. Faktor kekurangan tenaga mahir untuk penyediaan maklumat biokimia terperinci seperti klorofil, karbon, nitrogen dan air tumbuh-tumbuhan menyumbang kepada tempoh pelaksanaan kerja yang mengambil masa sehingga berbulan-bulan. Selain itu, faktor kos persampelan dan logistik yang tinggi disebabkan oleh keperluan mengekstrak sampel daun yang banyak berikutan kepelbagaian spesies tumbuh-tumbuhan dikawasan berkenaan merupakan penyumbang kepada kegagalan penyediaan maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan tersebut.

Bagi mengatasi masalah tersebut, perolehan maklumat biokimia menggunakan data remote sensing adalah dicadangkan memandangkan ianya telah digunakan secara meluas dan dalam pelbagai aplikasi. Beberapa model sifat optikal daun boleh dipadankan dengan penggunaan data remote sensing antaranya seperti model deskriptif, model fizikal, model empirikal dan model semi-empirik.

Sehingga kini, terbitan Indek Tumbuh-tumbuhan daripada model semi-empirik amat popular di kalangan anggota penyelidik bagi menghubungkan kepantulan spektrum tumbuh-tumbuhan dengan biokimia tumbuh-tumbuhan dilapangan. Namun, hubungan antara kepantulan spektrum tumbuh-tumbuhan dengan kehadiran biokimia bagi spesies tumbuh-tumbuhan hutan hujan tropika terutamanya spesies dipterokap masih belum pernah dilaporkan di dalam sebarang bentuk laporan. Oleh itu, Indek Tumbuh-tumbuhan digunakan sebagai asas pembangunan indeks biokimia bagi spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji untuk mendapatkan status sebenar hubungan antara kepantulan spektrum tumbuh-tumbuhan dengan biokimia tumbuh-tumbuhan dilapangan.

Walau bagaimanapun, kajian masih memerlukan strategi perancangan kerja yang baik. Perancangan kerja seperti pengaturan strategi persampelan, strategi pelarasan alat spektrometri, strategi pengutipan data spektrum tumbuh-

tumbuhan, strategi pengurusan data spektrum tumbuh-tumbuhan dan strategi perancangan pembangunan indek biokimia perlu dilakukan untuk membolehkan penyediaan maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan yang dikaji. Kajian ini merumuskan bahawa setiap aturan rangka pelaksanaan kerja harus dilakukan dengan teliti supaya hasil kajian ini boleh digunakan untuk membantu di dalam penyediaan maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan pada masa hadapan.

### **1.3 Objektif**

Objektif spesifik penyelidikan adalah untuk:

- a. Menentukan kepekaan jalur spektrum yang optimum untuk spesies hutan terpilih sebagai input indek biokimia spesies tersebut;
- b. Menilai indek biokimia yang berasaskan Indeks Tumbuh-tumbuhan sedia ada bagi spesies hutan yang dikaji;
- c. Menerbitkan indek biokimia yang bersesuaian dengan spesies hutan yang dikaji.

### **1.4 Skop Kajian**

Terdapat empat jenis skop kajian yang terlibat antaranya:

- a. Data spektrum adalah merujuk kepada hasil rekod kepantulan spektrum daun daripada penggunaan alat ASD FieldSpec<sup>®</sup> Pro spektroradiometer pada julat spektrum di antara 400nm hingga 2500nm dengan kadar sampling 17 saat / spektrum. Ini kerana hubungan kepantulan spektrum dan maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan adalah berada pada julat spektrum tersebut.

- b. Kepekaan jalur spektrum yang optimum bagi penyediaan indeks biokimia tumbuh-tumbuhan dilakukan menggunakan kaedah Transformasi Capahan (TD) dan kaedah Genetik Algoritma (GA). Penggunaan dua kaedah yang berlainan di dalam pencarian jalur spektrum yang optimum adalah bertujuan pengesahan dalam membangunkan indeks biokimia tumbuh-tumbuhan yang dikaji.
- c. Hanya tujuh jenis spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji, iaitu *neobalanocarpus heimii* sp. (NEOBHE sp.), *shorea acuminata* sp. (SHORAC sp.), *shorea leprosula* sp. (SHORL1 sp.), *shorea lepidotasp.* (SHORL2 sp.), *shorea pauciflora* sp. (SHORP2 sp.), *shorea maxwelliana* sp. (SHORM2 sp.) dan *koompassia malaccensis* sp. (KOOMMA sp.). Sampel daun spesies tumbuh-tumbuhan yang dikaji diambil berdasarkan kriteria seperti ukuran diameter batang pada paras dada (DBH) melebihi 40cm dan bilangan pokok di dalam kawasan kajian harus melebihi 40 unit batang pokok. Kriteria tersebut digunakan untuk mencari spesies tumbuh-tumbuhan yang menonjol dan dominan di dalam kawasan kajian.
- d. Pembangunan indeks biokimia adalah berasaskan penggunaan Indeks Tumbuh-tumbuhan. Hanya lima jenis Indeks Tumbuh-tumbuhan yang digunakan, iaitu indeks jalur lebar, indeks jalur sempit, indeks karbon, indeks nitrogen dan indeks air. Pemilihan tersebut dibuat kerana terdapatnya empat pengaruh utama biokimia seperti pigmen klorofil, karbon, nitrogen dan air tumbuh-tumbuhan ke atas kepantulan spektrum tumbuh-tumbuhan.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian pembangunan indeks biokimia tumbuh-tumbuhan menggunakan data remote sensing merupakan satu kaedah alternatif yang disarankan untuk mendapatkan maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan hutan. Ini kerana kebaikan penggunaan data remote sensing diketahui dapat menyediakan set data yang konsisten meliputi kawasan yang luas dengan frekuensi batas masa dan perincian yang bagus.

Selain itu, kepentingan kajian saintifik pembangunan indeks biokimia ini dapat membantu menyediakan ramalan keadaan kepekatan biokimia tumbuh-tumbuhan dilapangan. Hasil tersebut dapat digunakan sebagai petunjuk bagaimana kita hendak merancang dan memelihara hutan hujan tropika yang kaya dengan kepelbagaian spesies tumbuh-tumbuhan supaya tidak pupus. Perubahan masa membawa kepada perubahan hutan seterusnya membawa kepada perubahan iklim dunia. Impak negatif tersebut amat membimbangkan dimana perubahan iklim turut boleh membawa kepada masalah ekosistem, banjir, kebakaran hutan dan menjejaskan kesihatan manusia sejagat.

Malah, hasil daripada kajian pembangunan indeks biokimia ini dilihat dapat digunakan untuk menasihati penggubal undang-undang bagi melindungi hutan dan mengekalkan sesuatu ekosistem. Pembangunan indeks biokimia ini merupakan satu strategi yang dapat menggalakkan pemantauan perubahan fenologi dan fisiologi hutan yang dapat dikaitkan dengan keadaan stress pokok, penyakit pokok, kadar pengambilan nutrient, persaingan antara spesies tumbuh-tumbuhan dan simpanan air dikawasan hutan. Sumbangan kajian pembangunan indeks biokimia ini amat bersesuaian dengan keperluan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM).




## 1.6 Kawasan Kajian

Kawasan kajian dipilih berdasarkan dua kriteria utama dalam menyediakan maklumat biokimia tumbuh-tumbuhan foliar, iaitu (a) ketersediaan maklumat spesies dan lokasi spesies tumbuh-tumbuhan, dan (b) pengecaman dan perolehan spesies tumbuh-tumbuhan dilapangan. Kawasan 50 hektar, Hutan Simpan Pasoh, Negeri Sembilan, Malaysia digunakan sebagai tapak kajian. Tapak kajian tersebut boleh dilihat pada kedudukan geografi koordinat 2°59' Utara dan 102°19' Timur seperti ditunjukkan pada Rajah 1.3(a).

